

13 JAN 1998

EKONOMI M'SIA DILIHAT BOLEH PULIH DGN PANTAS, KATA PEGAWAI FORD

Oleh: Zainal Abidin Bujal

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Seorang pegawai daripada Ford Motor Company, satu daripada tiga pengeluar automobil terkemuka di Amerika Syarikat, menyatakan Malaysia mampu mengatasi kegawatan ekonominya dengan kadar segera.

"Perdana Menteri anda Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyatakan masalah mata wang dan ekonomi Malaysia akan kembali normal dalam tempoh enam hingga 12 bulan, tetapi saya yakin masalah itu boleh diatasi lebih awal daripada itu," kata naib pengerusinya, W. Wayne Booker.

Sambil menyatakan Ford yakin terhadap kekukuhan asas ekonomi Malaysia, beliau menambah terdapat usaha-usaha gigih yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin negara ini untuk menangani masalah ekonomi ketika ini. Malaysia mengalami penyusutan nilai mata wang dan kejatuhan pasaran ekuiti sejak beberapa bulan lalu.

Booker, yang berada di Malaysia untuk menyertai Dialog Pasifik selama dua hari di sini yang berakhir hari ini, menyatakan dalam satu wawancara dengan Bernama bahawa Ford tidak mempunyai rancangan untuk mengurangkan saiz operasinya di Malaysia di tengah-tengah kelembapan ekonomi ketika ini kerana negara ini dianggap sebagai pasaran yang sangat menarik.

"Jenama Ford di Malaysia semakin maju apabila ia bergerak daripada tempat ketujuh di kalangan pengeluar bukan nasional dengan 3.4 peratus pembahagian pasaran pada Januari 1997 ke tempat keempat dengan 7.0 peratus pembahagian pasaran pada November tahun lalu -- di belakang Toyota, Nissan dan Honda," katanya.

Dengan terus membina jenama dan pembahagian pasaran di Malaysia di tengah-tengah kelembapan ekonomi ketika ini, Ford berharap menjadi lebih mantap dalam pasaran kereta tempatan, tambahnya.

"Mengikut pelan jangka panjang, kami akan terus meningkatkan pelaburan dengan mengubahsuai bentuk operasi kami walaupun keadaan ekonomi di hampir kebanyakan negara Asean dan beberapa bahagian lain di rantau Pasifik tidak begitu memberangsangkan," katanya.

Sebagai rancangan jangka pendek, Booker berkata Ford akan terus mengukuhkan rangkaian pengedarannya di Malaysia tahun ini bagi membolehkan syarikat itu menikmati pembahagian pasaran yang lebih besar dalam industri automobil dan menjadikannya lebih kompetitif.

Bagaimanapun, Booker merumuskan bahawa memasarkan kereta Ford di Malaysia bermakna berdepan dengan cabaran yang besar terutama terpaksa bersaing dengan kelebihan yang dimiliki oleh pengeluar kereta nasional, Proton.

Bagaimanapun, beliau berkata operasi di Malaysia masih memberi sumbangan yang baik kepada keseluruhan pendapatan Ford di rantau ini walaupun ia mempunyai operasi yang lebih besar di Thailand. -- BERNAMA

ZAB ZK MA